

RUNDINGAN KEMERDEKAAN



Berlangsung dari 18 Januari 1956 hingga 6 Februari 1956 antara wakil Raja-raja Melayu dan Parti Perikatan dengan British di Lancaster House, London. Tunku Abdul Rahman menyatakan rombongan beliau sedang berusaha bagi mendapatkan taraf berkerajaan sendiri untuk Persekutuan Tanah Melayu dengan serta-merta dan kemerdekaan penuh pada tahun hadapan.

Perkara yang disepakati di London

Perwakilan British

- Ahli Majlis Eksekutif, selain Ketua Setiausaha dan Peguam Negara dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan nasihat Ketua Menteri.
- Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu memberikan ganti rugi kepada pegawai British yang diberhentikan.
- Mengadakan Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama antara Persekutuan Tanah Melayu dengan British.
- Pihak British dan Komanwel akan memberikan bantuan seperti pertahanan kepada Persekutuan Tanah Melayu.

Perwakilan Tanah Melayu

- Jawatan Setiausaha Kewangan dihapuskan dan digantikan dengan Menteri Kewangan.
- Menuntut Menteri Hal Ehwal Ekonomi dalam kalangan rakyat tempatan.
- Menteri Pertahanan daripada rakyat tempatan menggantikan Pengarah Gerakan yang disandang oleh pegawai British.
- Menuntut tarikh kemerdekaan tidak lewat dari 31 Ogos 1957.
- Berunding tentang isu Suruhanjaya Perlembagaan, kewangan, keselamatan dalam negeri dan perkhidmatan awam.

Hasil Rundingan di London

Laporan setebal 20 halaman dihasilkan. Berjaya mendapatkan persetujuan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu melalui Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956. Bersetuju membentuk Suruhanjaya Perlembagaan bagi merangka perlembagaan negara.